



KOPI PAHIT

Di dalam ucapannya menyambut hari merdeka Tengku nampaknya terus juga menunjukkan sifatnya sentiasa berbaik-baik sangka terhadap orang lain. Kerana itu beliau sentiasa berbuat baik tetapi kurang berhati-hati kepada akibat untuk masa kemudian nanti. Tengku berasa dasar permusuhan dengan Singapura telah beransur-ansur hilang dan beliau menyatakan sekarang dapat bekerjasama menerusi ASEAN dan pertubuhan-pertubuhan daerah yang lain, tetapi orang ramai berasa cemburu akan adanya berita dari “*Newsweek*” yang menyatakan ada puluh pakar-pakar Israel yang melatih sepuluh ketumbukan tentera di Singapura. Selain daripada itu terang sekarang Singapura menuju negara tentera – apakah tujuan ini? Selat Johor tidak jauh dari Singapura – dan perkubuan di sana kita tidak tahu! Cemburu – ada lebih baik.

* * *

Di dalam ucapannya Tengku menyambut bagaimana “orang-orang” yang telah berani mengatakan Majistret anjing Tengku Abdul Rahman dalam suatu percakapan. Orang itu menunjukkan taatnya kepada Mao Tse Tung, tetapi apabila disuruh balik mereka berkata mereka rakyat Malaysia dan mahu tinggal di sini ini menunjukkan sifat-sifat mereka. Jelasnya kepada mereka Tengku masih mahu berbuat baik dan cuba mahu

bikin baik. Tetapi Tengku melupakan juga sejarah di Indonesia betapa orang-orang itu menyiapkan lubang-lubang untuk menanam hidup-hidup pemimpin-pemimpin dan orang-orang yang tidak disukai oleh Komunis.

Kerana itu maka apabila hal itu diketahui rakyat – sebelum mereka berkubur maka orang-orang Komunis mereka kubur – pancung tanpa bicara – apa orang mahu bilang?

* * *

Berbudi bahasa – terkadang-kadang mampan kepada orang yang tahukan bahasa – tahukan membalas budi dan berbahasa. Tetapi kepada orang-orang yang tidak tahu bahasa – maka berbudi bahasa kepada mereka bukan pada tempatnya – orang yang seperti itu mesti dibuat secara mereka baharu mereka masuk ajar. Jadi lemah lembut Tengku itu ada masa dan ada tempatnya, tetapi kalau terus Tengku lakukan, bangsa Melayu berasa akan rugi di bawah pimpinan Tengku sebab belas kasihan dan kelimpahan terus-menerus dilakukan sehingga ada orang yang sudah naik cacing ke mata – diberi betis naik ke paha – akibatnya kita rosak. Ini hanya suatu perkara mengingatkan sahaja – bukan menghasut!

* * *

Contoh yang sebaik-baiknya ialah perkataan Tengku sendiri yang mengatakan

bahawa sekalipun mereka (musuh negara) telah menikmati faedah dari keuntungan yang mereka dapati dalam negeri ini, mereka sanggup menunjukkan sikapnya tidak mengenang budi dan kelakuan yang jahat terhadap negeri ini! Betul Tengku waktu Tengku memberi pertolongan Tengku disanjung mereka tetapi habis itu budi Tengku dilupakan dan Tengku akan dimusuhi – inikah sifat manusia yang terus-menerus hendak kita berbuat baik kepadanya? Kita hanya bertanya.

* * *

Di dalam majalah Qalam bilangan 213 keluaran bulan Julai 1968 dalam bahagian enam dan tujuh dan kemudian penafian pada bilangan 214 dalam ruangan ini (Kopi Pahit) telah ditulis tentang tuan Haji Ali Munawwar. Tuduhan-tuduhan yang terkandung dan terbit atas diri beliau adalah semata-mata terbit dan dibuat berpunca daripada tulisan-tulisan di dalam sebuah akhbar harian yang kemudian tulisan itu telah dinafikan beliau yang menjadikan tuduhan-tuduhan itu tidak sama sekali mempunyai asas kerana tulisan itu berpunca daripada asas yang tidak benar, maka kita dengan ini dukacita. Adanya segala, tuduhan-tuduhan itu dan kita telah menyatakan penafiannya di dalam Kopi Pahit bilangan 214 keluaran bulan Ogos, 1968 dan dengan ini kita menuntut maaf kepada beliau atas kesilapan perkara tersebut dan semoga beliau berpuas hati dengannya – **Cemeti al-Farouk.**

Orang-orang yang melanggar hukum Allah adalah berdosa besar, tetapi orang-orang yang ingkar kepada hukum Allah atau meniadakan sesuatu hukuman itu dari hukum Allah, maka orang itu, kalau ia Islam, jadi murtad, dan wajib ia bertaubat atau disuruh bertaubat. Umpamanya: Orang yang tidak mengerjakan sembahyang ia melakukan dosa besar, tetapi kalau ia mengatakan dan mengiktikadkan sembahyang itu bukan hukuman dari Tuhan, maka ia terkeluar dari agama Islam dan wajib bertaubat. Demikian juga kalau perempuan berdedah di hadapan ramai bukan mahramnya atau di jalan raya – hukumnya berdosa besar, tetapi kalau ia mengingkarkan hukuman ini adalah hukuman dari Allah wajib baginya disuruh bertaubat.

* * *

Tuan Haji Muhammad Saman Kati, Yang Dipertua Persatuan Ulama Perak, dikatakan telah berkata: “Kita menitiskan air mata melihatkan agama Islam semakin pudar sekarang, ulama perlu bekerja kuat lagi untuk memupukkan keimanan tulen di kalangan orang ramai, sekalipun dipandang rendah dengan menjalankan tugas suci ini, kerana kita menjadi seteru syaitan.” Benar tuan benar! Yang menjadi ulama yang dipaksa mendiamkan dirinya kerana.. ya.. kerana periuk nasinya.. kerana tidak bertanggungjawab kepada Allah! Begitulah bahaya syaitan-syaitan kalau ulama terpengaruh oleh kebendaan.

* * *

Sultanah Kedah memberi amaran tentang bahaya kebudayaan Barat: Titahnya: “Masyarakat kita pada suatu masa kelak akan porak-peranda jika kaum wanita di negeri kita membiarkan penjelmaan kebudayaan Barat yang menjatuhkan moral masyarakat kita.” Benar titah baginda. Umat-umat yang dijatuhkan atau sesuatu bangsa yang



KOPI PAHIT

dijatuhkan Tuhan adalah kerana moral (akhlaknya) jatuh. Jatuhnya moral, maka jatuhlah bangsa itu seluruhnya dan baiknya moral sesuatu bangsa, maka bangkitlah bangsa itu. Untuk membangkitkan sesuatu bangsa, Tuhan menyuruh pemimpin-pemimpin mencontohi – memulakan kerja-kerja yang membaiki moral terutamanya baginda yang menjadi penaung umat Islam. Laksanakanlah ajaran serta amalkan suruhan Islam dan akhlaknya, maka tentu akan bangunlah umat itu. Kalau sebaliknya? Celakalah padahnya – kerana itulah janji Tuhan.

* * *

Orang-orang Islam kalau bersyukur atas sesuatu kurnia yang didapatinya maka ia terima kasih kepada Allah dan membuat kerja-kerja kebajikan selain daripada berdoa dan mengucapkan kesyukuran kepada Allah. Begitulah ajaran dan suruhan Allah kepada umat Islam. Tetapi orang-orang yang mengaku Islam dan pemimpin-pemimpin Islam kalau bersyukur maka lain lagi caranya – mereka mengadakan majlis-majlis maksiat – berjoget, berdansa-dansi, bini orang bini awak dan minum orang minum awak. Adakan ini kesyukuran atau menimbulkan laknat dari Tuhan?

Jawatankuasa untuk menubuhkan universiti kebangsaan sudah terbentuk. Yang Dipertuanya yang dilantik ialah Tuan Syed Nasir. Masalah universiti kebangsaan ini adalah masalah bangsa, dan tiap-tiap orang yang di dalamnya mesti melupakan faham-faham

politiknya supaya universiti itu terbentuk. Begitulah dibuat oleh badan-badan orang Melayu di Singapura atas masalah bangsa, mereka melupakan perselisihan politik masing-masing, tetapi nampaknya seperti yang diberitakan perkara ini ditimbulkan oleh Syed Naguib al-Attas, kerana beliau dikatakan ada berkata, beliau tidak berkenan akan adanya beberapa orang di dalam jawatankuasa itu terdiri dari pemimpin-pemimpin UMNO. Adakah kerana beliau sendiri terasa beliau orang dari Gerakan? Entahlah!

* * *

Tuan Syed Hassan al-Attas, yang dikatakan menjadi mubaligh dari Indonesia datang ke Malaya sudah menimbulkan dua pertentangan seperti berita yang ditulis. Di Kuala Pilah dikatakan beliau menggoblokkan Kaum Muda kerana tidak ikut selamat dan lain-lainnya. Dan diberitakan pula di majlis yang banyak Kaum Muda di dalamnya beliau memuji-muji Kaum Muda dan membanteras Kaum Tua. Jika betul seperti yang tersebut dan seperti yang dikhabarkan ini, rupanya mubaligh itu seperti daun lalang, ke mana angin bertiup ke sana ia rebah – ertinya tidak mempunyai pendirian! Cara yang macam ini tentunya datang untuk memecah belahkan umat di Malaysia – ini tidak dikehendaki. Hal yang serupa ini menjadi orang Malaysia bosan mendengar mubaligh-mubaligh dari luar negeri apakah tujuan mereka datang ke mari? Inilah pertanyaan yang timbul – jawabnya: *Wa Allāhu a‘lam.* – **Cemeti al-Farouk-**